

M/S: 7

Kerajaan didesak buat pemutihan terhadap penduduk

Langkawi: Kerajaan melalui Majlis Keselamatan Negara (MKN), didesak melakukan pemutihan terhadap penduduk sekitar Bukit Malut di sini, yang dipercayai kebanyakannya bukan warga Malaysia.

Penduduk Kampung Bayas dikenali sebagai Azman, 35, menyifatkan masalah Bukit Malut umpama bom jangka yang boleh menyebabkan kemudaratan lebih besar kepada seluruh masyarakat di pulau itu.

Katanya, sejak sekian lama penduduk tempatan takut untuk bersuara kerana bimbang keselamatan mereka terancam dan hanya berharap kepada kerajaan bagi mengambil tindakan tegas termasuk membersihkan kawasan itu.

"MKN perlu lakukan pemutihan dan periksa setiap orang di Bukit Malut jika tidak mahu lebih banyak masalah berlaku pada masa hadapan kerana yang akan berhadapan masalah ini adalah kami penduduk tempatan.

"Kami tahu hampir semua penduduk Bukit Malut adalah warga asing. Jika ada yang memiliki MyKad, kerajaan perlu sinasat bagaimana mereka dapat dokumen itu," katanya ketika ditemui *BH*.

Azman berkata, tindakan pihak berkuasa yang hanya menumpukan isu dadah tidak mencukupi kerana terdapat masalah lain seperti status kewarganegaraan dan pencerobohan tanah.

Beliau mendakwa penduduk Bukit Malut asalnya warga asing yang menceroboh hutan di Langkawi, tetapi kini ada yang memiliki MyKad dan berkahwin dengan penduduk tempatan sehingga bebas melakukan pelbagai aktiviti.

"Akibat ketiadaan penguatkuasaan, ada warga asing di Bukit Malut ini dapat menjalankan perniagaan, membeli kedai dan menguruskan aktiviti pelancongan menyebabkan penduduk tempatan berasa terpinggir," katanya.

Perkara sama turut dikongsi penduduk Kedawang dikenali sebagai Zainuddin, 41, yang mahu masalah Bukit Malut diselesaikan secara lebih menyeluruh.

"Kerajaan perlu bersungguh-sungguh dalam berhadapan isu di Bukit Malut selepas penduduk kawasan itu banyak bersembunyi menggunakan nama pemimpin politik.

"Yang menjadi korban adalah kami penduduk tempatan yang perlu berebut dan bertahan terutama dalam aspek ekonomi," katanya.